



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

***Ministry of Agriculture and Food Industries***

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **PAMERAN PERTANIAN, HORTIKULTUR DAN AGRO PELANCONGAN MALAYSIA ( MAHA 2022 ) 04 HINGGA 14 OGOS 2022.**

#### **SEJARAH**

- MAHA yang diperkenalkan sejak tahun 1923, mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan telah berevolusi melalui pelbagai peringkat hinggalah ianya wujud dalam bentuk yang Kementerian kenali pada hari ini. Program dwi-tahunan ini, walaupun secara khusus adalah mengenai pertanian, hortikultur dan agro pelancongan, ianya telah berkembang sehingga menjadi sebahagian dari landskap negara yang mempamerkan kemajuan dan pencapaian Malaysia.
- Secara umumnya, MAHA adalah program yang menampilkan pelbagai produk baharu berkaitan pertanian yang bersandarkan kepada teknologi terkini, inovasi-inovasi tempatan dan luar negara, strategi-strategi pemasaran dan pengeluaran yang efektif dan lain-lain pendekatan yang mampu membantu sektor tersebut.
- Penganjuran terakhir MAHA iaitu dari 22 November hingga 2 Disember 2018, telah berjaya menarik seramai 3.3 juta orang pengunjung dan mencatatkan hasil jualan sebanyak RM215 juta.
- MAHA 2022 akan diadakan di **MAEPS Serdang bermula pada 4 Ogos hingga 14 Ogos 2022.**
- Akan tetapi, dengan mengambil kira situasi semasa COVID-19 serta negara kini berada dalam fasa peralihan ke endemik, penganjuran MAHA

2022 akan disesuaikan mengikut keadaan. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan MAHA 2022 akan dianjurkan secara hibrid, iaitu kombinasi fizikal dan maya (*virtual*). Kementerian komited dalam memastikan segala Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dibangunkan dipatuhi sepanjang MAHA 2022 berlangsung.

### **OBJEKTIF PENGANJURAN MAHA 2022.**

- Penganjuran MAHA 2022 ini akan menjadi platform untuk Kementerian mencapai enam (6) objektif yang disasarkan, iaitu:
  - 1) aktiviti pepadanan perniagaan (*business matching*);
  - 2) mempamerkan teknologi dan inovasi terbaharu dalam bidang agromakanan;
  - 3) menjelaskan hala tuju dan menyediakan platform untuk perkembangan perniagaan dalam dan luar negara;
  - 4) menggalakkan penglibatan generasi muda menceburi bidang perniagaan pertanian;
  - 5) memartabatkan MAHA sebagai pameran perdagangan pertanian yang terunggul dengan menarik penyertaan syarikat-syarikat korporat dan pemain industri; dan
  - 6) memberi dorongan serta keyakinan kepada golongan peladang, penternak dan nelayan tentang kepentingan bidang pertanian khususnya bagi menjana pendapatan yang tinggi.

### **MATLAMAT DAN SASARAN MAHA 2022**

- MAHA 2022 menyasarkan penyertaan kumpulan peserta seperti syarikat swasta, badan korporat, syarikat multinasional, kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan peringkat Persekutuan dan Negeri, usahawan tani serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan dan antarabangsa, institusi kewangan serta golongan belia. Sebanyak 1,500 ruang pameran dan jualan disediakan pada MAHA 2022 mengikut segmen.

## **PERBEZAAN PENGANJURAN MAHA 2022 KALI INI.**

- MAHA 2022 akan menampilkan sedikit kelainan selaras dengan pembudayaan norma baharu. Tarikan yang bakal diketengahkan bukan sahaja akan memberi pengalaman baharu malah turut memaparkan perkembangan teknologi dalam bidang pertanian dan makanan. Ini termasuklah:
  - 1) mekanisme aktiviti pepadanan perniagaan;
  - 2) penganjuran konvensyen dan seminar (secara webinar); dan
  - 3) akses kepada pameran *booth* secara maya (*virtual*).
  
- Selain itu, MAHA 2022 juga akan:
  - 1) menerapkan Konsep MAHA Keluarga Malaysia melalui padanan program dengan Kementerian/Agensi Kerajaan;
  - 2) menonjolkan kepelbagaian dan sokongan Kerajaan Negeri;
  - 3) menarik penyertaan belia dan siswa/graduan melalui pengisian aktiviti dan program di pelbagai segmen;
  - 4) menjalinkan kerjasama strategik dengan pemain industri di sepanjang Rantaian Nilai Agromakanan; dan
  - 5) menjadi platform bagi meraikan Wira Tani Negara.
  
- Apabila diumumkan penganjuran MAHA secara hibrid, Kementerian percaya ramai yang ingin tahu, apa itu MAHA hibrid. Kepada yang pernah mengunjungi MAHA sebelum ini, itu merupakan konsep MAHA yang dilaksanakan secara fizikal. Tetapi untuk MAHA 2022, terdapat penambahan elemen pelaksanaan atas talian iaitu pameran secara maya (*virtual*). Kombinasi fizikal dan maya (*virtual*) inilah yang menjadi konsep penganjuran MAHA 2022, secara hibrid.
  
- Pameran maya (*virtual*) MAHA 2022 adalah sebuah platform yang direka khusus bagi memenuhi keperluan perniagaan dalam industri pertanian dan makanan secara atas talian. Sama seperti apa yang ditawarkan oleh

pameran fizikal, platform MAHA 2022 versi maya (*virtual*) ini juga mampu untuk mengendalikan transaksi perniagaan sama ada bagi pasaran domestik mahupun luar negara. Pelbagai aktiviti atas talian seperti sesi perbincangan, padanan perniagaan, webinar, video konferens serta promosi produk pameran boleh dipaparkan secara langsung seakan-akan pengalaman mengunjungi acara pameran fizikal.

- Kementerian menyedari bahawa pembudayaan norma baharu dalam komuniti bagi mencegah penularan COVID-19 telah menjadi *push factor* kepada penggunaan teknologi dalam banyak perkara termasuklah dalam bidang pertanian serta penganjuran MAHA ini sendiri. Konsep baharu penganjuran MAHA kali ini sudah semestinya akan menjadi *game changer* dalam penganjuran program *Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE).

#### **LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH PIHAK KEMENTERIAN DALAM MEMBENDUNG PENULARAN COVID-19 SEMASA PENGANJURAN MAHA 2022.**

- Mewajibkan pemakaian pelitup muka kepada semua pengunjung di dalam dan luar bangunan terutamanya di kawasan yang menjadi tumpuan ramai; dan
- Menguar-uarkan notis peringatan kepada pempamer/pengunjung yang bergejala supaya tidak hadir secara fizikal ke tapak program melalui semua platform media sosial sedia ada.

#### **MENGENAI TARIKAN MAHA 2022**

- MAHA 2022 merupakan program selama 11 hari yang menampilkan 22 segmen menarik melibatkan aktiviti pameran dan jualan meliputi seluruh ekosistem berkaitan rantai nilai agromakanan.

- Untuk pengisian dalam dewan, segmen-segmen yang terlibat adalah:
  - 1) *Agro Technology*
  - 2) *Agro Lifestyle*
  - 3) *Agro Tourism*
  - 4) *Agro Youth*
  - 5) *Agro Edutainment*
  - 6) *Agro Trade*
  - 7) *Agro Job Fair*
  - 8) *Agro Culinary*
  - 9) *Malaysia Fish and Seafood Expo (MySE)*
  - 10) Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK)
  - 11) *Agro Business*
  - 12) *Food Empire*
  
- Manakala segmen pameran/jualan di luar dewan melibatkan laman-laman seperti berikut:
  - 1) *Agrofood Padi (Laman Padi)*
  - 2) *Agrofood Florikultur (Miracle Garden)*
  - 3) *Agrofood Nanas (Laman Nanas)*
  - 4) *Agrofood Sayuran & Herba (Laman Sayur, Laman Herba dan Laman Kelulut)*
  - 5) *Agrofood Ternakan (Laman Ternakan)*
  - 6) *Agrofood Perikanan (Laman Perikanan)*
  - 7) *Agrofood Mekanisasi (Laman Mekanisasi)*
  - 8) *Castle of Fruits (Laman Tiba 1&2)*
  - 9) *Food Truck Fiesta (Laman Tiba)*
  
- Selain itu, di MAHA terdapat **13 pavilion negeri** yang masing-masing mempunyai reka bentuk unik. **Pavilion-pavilion negeri ini dijangka menampilkan ciri-ciri negeri-negeri di Malaysia termasuk keunikan kesenian budaya, pusat tarikan pelancongan, produk dan makanan yang boleh dinikmati oleh pengunjung.**

- Antara pengisian utama di bawah setiap segmen adalah seperti berikut:

Bil.	Segmen	Tarikan
1)	<p><b><u>Agro Trade</u></b></p> <p>Melibatkan aktiviti perniagaan dan padanan perniagaan yang menjadi platform untuk mempromosi produk tempatan bagi menembusi pasaran antarabangsa.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Majlis Pelancaran Inovasi Produk Baharu, sesi padanan perniagaan bagi pasaran luar negara serta Majlis Menandatangani MoU Antara Usahawan PKS dan enam (6) Agen Pemasar luar negara, seperti:             <ol style="list-style-type: none"> <li>a) King Sight (HK) Ltd (Hong Kong/China);</li> <li>b) SS Halal Co. Ltd (Jepun);</li> <li>c) Freshmax Australia Pty Ltd (Australia);</li> <li>d) Dreiha Handels und Consulting Service e.K (Jerman);</li> <li>e) Uniti Asia Link (ASEAN Mall Pattani) (Thailand);</li> <li>f) Makan Bites Ltd (United Kingdom);</li> <li>g) MegaXpress Pte. Ltd (Singapura); dan</li> <li>h) Lulu Hypermarket (Timur Tengah).</li> </ol> </li> <li>• Sesi padanan perniagaan <i>export mini hypermarket operator</i> juga akan diadakan dengan Lulu Group Retail Sdn Bhd.</li> <li>• Sebanyak <b>12 sesi padanan perniagaan di bawah Agro Trade</b></li> </ul>

Bil.	Segmen	Tarikan
		<p>dijadualkan kepada usahawan bimbingan MAFI bermula pada 5 hingga 13 Ogos 2022 melibatkan <b>pasaran Hong Kong/China, Jepun, Australia, Jerman, Thailand, United Kingdom, Singapura dan Timur Tengah.</b></p>
2)	<p><b><u>Agro Edutainment</u></b> Mempromosi serta memberi kesedaran tentang kepentingan sektor agromakanan dalam menjamin sumber bekalan makanan negara.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Hologram display, fisheries treasure hunt, interactive games, digital concept, cat grooming, quail hatching &amp; paddy straw handicraft.</i></li> <li>• Sebanyak 4 sesi <i>Business Talk</i> berkaitan <i>e-Commerce</i> telah dijadualkan di bawah segmen ini.</li> </ul>
3)	<p><b><u>Agro Lifestyle</u></b> Mempamerkan gaya hidup keluarga agro serta aktiviti-aktiviti nilai tambah di sepanjang rantai nilai agromakanan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Simulator jentera pertanian, <i>greenkit, DIY mini aquascape</i>, menu ubi telampung dan <i>fishing simulator</i>.</li> <li>• Terdapat lebih daripada 10 sesi demonstrasi berkaitan pertanian, kraf tangan dan <i>cat grooming</i> yang telah dijadualkan bagi segmen ini.</li> </ul>
4)	<p><b><u>Agro Youth</u></b> Pengisian aktiviti untuk menggalakkan dan menarik minat golongan muda untuk terlibat dalam</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Sharing session</i> oleh ikon usahawan tani, demonstrasi teknologi dron, <i>agro talk, educational talk, explorace, games, e-sport, rock climbing, penalty shoot.</i></li> </ul>

Bil.	Segmen	Tarikan
	<p>sektor pertanian sebagai pelapis dan jaminan masa depan pertanian negara.</p>	
5)	<p><b><u>Agro Tourism</u></b> Khusus untuk mempromosi industri agropelancongan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakej percutian/aktiviti dari lebih 100 pusat agro pelancongan di seluruh negara, lebih dari 10 sesi uji rasa makanan, demonstrasi pertanian, permainan tradisional.</li> </ul>
6)	<p><b><u>Agro Technology</u></b> Mempamerkan penggunaan teknologi serta jentera terkini tempatan dan luar negara dalam sektor pertanian.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Teknologi robotik dan dron, demonstrasi sistem IOT serta hasil kajian bioteknologi yang menyokong pelaksanaan pemodenan pertanian.</li> <li>• Selain itu, antara program menarik yang bakal dipaparkan adalah persembahan wayang kulit Star Wars / Batman &amp; Joker.</li> </ul>
7)	<p><b><u>Agro Job Fair</u></b> Mempromosikan potensi serta peluang pekerjaan yang tersedia dalam sektor agromakanan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Temu duga oleh syarikat-syarikat, seminar kerjaya, ceramah, perkongsian kisah kerjaya, latihan pertanian, <i>job matching</i>.</li> <li>• <b>Agro Job Fair</b> akan menjemput pihak PERKESO untuk memberikan empat (4) sesi taklimat berkaitan <b>MyFutureJob, Insentif Pencari Kerja, Career Talk dan Labour</b></li> </ul>



Bil.	Segmen	Tarikan
		<p><b>Market.</b> Keempat-empat sesi ini adalah terbuka kepada orang ramai untuk turut serta.</p>
8)	<p><b><u>Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK)</u></b> Menyediakan pameran dan pelbagai aktiviti bagi meraikan wira tani dari sektor pertanian, perikanan dan penternakan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Digital tunnel, farmer's barista, pameran live product, meet &amp; greet bersama ikon, konvensyen HPPNK.</i></li> <li>• <b>Konvensyen Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK)</b> akan diadakan bermula pada 4 hingga 6 Ogos 2022 dan seramai 320 orang peladang, penternak serta nelayan yang berusia di bawah 45 tahun akan menghadiri konvensyen ini. Majlis Perasmian Konvensyen HPPNK akan disempurnakan oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan pada 4 Ogos 2022 di World Trade Center, Kuala Lumpur.</li> </ul>
9)	<p><b><u>Agro Culinary</u></b> Mempromosikan perkhidmatan kulinari dan teknologi yang terlibat dalam industri makanan serta menghebahkan menu masakan sihat berasaskan bahan mentah tempatan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>e-concept food mart, demonstrasi masakan, Waiter's Race, pertandingan masakan, galeri menu popular Malaysia.</i></li> <li>• Sebanyak 31 pertandingan masakan dan minuman akan berlangsung di bawah segmen ini. Selain itu, sebanyak 5 <i>industrial</i></li> </ul>

Bil.	Segmen	Tarikan
		<p><i>talk</i> dan 2 <i>mini workshop</i> berkaitan industri <i>agro culinary</i> akan turut diadakan.</p>
10)	<p><b><u>Food Empire</u></b> Mempromosi dan menonjolkan kepelbagaian makanan warisan, popular, <i>fusion</i> dan viral dari setiap negeri.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 333 menu makanan popular negeri, makanan viral terkini, medan <i>food truck</i>, demonstrasi masakan, pertandingan <i>barista challenge</i>, <i>wheel of fortune</i>.</li> </ul>
11)	<p><b><u>Malaysia Fish and Seafood Expo (MySE)</u></b> Mempromosikan produk berkaitan hasil perikanan dan makanan laut yang dikeluarkan oleh pengusaha tempatan dalam usaha meneroka potensi pasaran baharu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pameran 50 spesis hidupan laut, <i>boat simulator</i>, <i>fisher life story</i>, <i>interactive showcase</i>, pertandingan <i>lekor roll</i>, jualan promosi, demonstrasi usahawan, persembahan kebudayaan nelayan.</li> </ul>
12)	<p><b><u>Agrofood Mekanisasi</u></b> Mempamerkan inovasi serta teknologi terkini bagi jentera dan peralatan dalam bidang pertanian.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Muzium mini jentera klasik, <i>combine harvester simulation</i>, <i>soccer drone</i>, <i>monorack</i>, <i>treasure hunt</i>, <i>e-sport games</i>.</li> <li>• Sebanyak 4 majlis pelancaran produk dan pakej peralatan yang akan diadakan di Laman Mekanisasi sepanjang MAHA 2022.</li> </ul>

Bil.	Segmen	Tarikan
13)	<p><b><u>Agrofood Padi</u></b></p> <p>Memberi pendedahan kepada pengunjung mengenai varieti padi, produk makanan dan kraf tangan berasaskan padi selain mengembalikan nostalgia Pesta Mengemping dan aktiviti sukan rakyat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Demonstrasi pengilangan dan penghasilan beras, patung jerami, pameran jentera dan jentuai terkini, Pesta Mengemping, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, <i>happy hour</i> jualan beras, Bola Sepak Bendang, pertandingan sukan rakyat.</li> <li>• <i>Agrofood Padi</i> akan mengadakan seminar keusahawanan padi kepada pengusaha/usahawan tanaman padi di bawah jabatan/agensi MAFI.</li> </ul>
14)	<p><b><u>Agrofood Florikultur</u></b></p> <p>mempamerkan pelbagai spesis bunga yang unik dan eksotik serta memberi pendedahan kepada pengunjung berkaitan kepelbagaian kegunaan bunga.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mirror of sunflower, etnobotani garden, rainbow garden, orchid tunnel</i>, pertandingan gubahan bunga hiasan, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak.</li> <li>• Setem <i>Limited Edition</i> Edisi MAHA 2022 juga boleh didapati di sini.</li> </ul>
15)	<p><b><u>Agrofood Nanas</u></b></p> <p>Mendedahkan pengunjung kepada inovasi dalam industri tanaman nanas dan memperkenalkan teknik</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Fashion show</i> songket daripada benang serat nanas, <i>night farming</i>, nanas hiasan bromeliad, pallet makanan ternakan berasaskan nanas, pelancaran nanas varieti baharu, <i>puzzle kids</i>, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, demonstrasi masakan,</li> </ul>

Bil.	Segmen	Tarikan
	tanaman nanas pada waktu malam.	pertandingan memasak, persembahan <i>music band</i> , jualan nanas.
16)	<p><b><u>Agrofood Sayuran &amp; Herba</u></b></p> <p>Memberi pendedahan kepada pengunjung mengenai inovasi teknologi pertanian moden dengan memperkenalkan 'Foodscaping' iaitu konsep landskap yang melibatkan gabungan tanaman boleh dimakan (<i>edible</i>) dan herba.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laman sayur, laman herba, laman kelulut, demonstrasi pemindahan koloni lebah kelulut, <i>maze garden challenge</i>, demonstrasi masakan, kraf tangan herba, ceramah kesihatan, demonstrasi cantuman pokok, penyediaan makanan sihat, <i>treasure hunt</i>, uji rasa, pertandingan mewarna dan melukis.</li> <li>• Lebih daripada 10 sesi <i>pocket talk</i> dan klinik usahawan telah diatur sepanjang MAHA 2022.</li> </ul>
17)	<p><b><u>Agrofood Ternakan</u></b></p> <p>Mempamerkan pelbagai teknologi ternakan serta menyajikan produk makanan berasaskan ternakan yang dihasilkan oleh usahawan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pameran teknologi penternakan pintar, <i>pet valley</i>, <i>livestock show valley</i>, <i>garden hall</i>, <i>avian valley</i>, <i>Goat2Go (G2G) Fun Valley</i> yang akan menempatkan café/restoran serta taman/kemudahan permainan untuk kanak-kanak.</li> </ul>

Bil.	Segmen	Tarikan
18)	<p><b><u>Agrofood Perikanan</u></b></p> <p>Memberi pengetahuan dan pengalaman kepada pengunjung mengenai industri, teknologi dan inovasi perikanan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pameran 3D Dasar Laut (<i>Black Igloo Showcase</i>), pameran pelbagai spesies hidupan dasar laut, terumbu karang, usaha konservasi perikanan, galeria rumah nelayan, <i>masterchef explorace</i>, <i>tuna slicing</i>, jualan hasil perikanan.</li> <li>• Sekurang-kurangnya 9 sesi <i>pocket talk</i> dijadualkan di bawah segmen ini.</li> </ul>
19)	<p><b><u>Castle of Fruits</u></b></p> <p>Menyediakan pelbagai jenis buah-buahan, sayur-sayuran, bunga-bunga, anak pokok serta input pertanian untuk jualan kepada pengunjung.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 11,111 varieti pelbagai tanaman, pameran buah nangka terbesar, <i>Mountain of Malaysia's Seasonal Fruits</i>, demonstrasi masakan, produk nilai tambah seperti <i>meatball</i> nangka, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, wayang kulit, Didi &amp; <i>Friends</i>, Omar &amp; Hana, <i>magic show</i>, persembahan <i>percussion</i>.</li> <li>• Antara harga promosi buah-buahan di <i>Castle of Fruit</i> adalah: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Buah Naga : RM10 (3-4 biji)</li> <li>b) Melon Manis MMT : RM10/kg (semasa <i>happy hour</i>)</li> <li>c) Mangga Chokanan : RM12 (3kg)</li> <li>d) Cempedak Kampung: RM8</li> <li>e) Cempedak Kahwin: RM12</li> </ul> </li> </ul>

Bil.	Segmen	Tarikan
		<p>f) Nangka: RM3.50/kg</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Khidmat penghantaran selepas jualan melalui motosikal roda tiga dengan kadar RM5/penghantaran ke tempat letak kenderaan juga akan disediakan kepada pengunjung yang membeli produk dari <i>Castle of Fruit</i> di Laman Tiba 1 dan 2.</li> <li>• Kemudahan kepada pelanggan untuk membeli secara atas talian melalui portal <i>AgroBazaar Online</i> (<i>self pick up</i> di Laman Tiba 1 atau 2).</li> </ul>
20)	<p><b><u>Agro Business</u></b></p> <p>Mempromosikan produk-produk yang diusahakan oleh pemain industri dalam sektor agromakanan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 170 booth jualan pelbagai jenis produk usahawan.</li> </ul>
21)	<p><b><u>Food Truck Fiesta</u></b></p> <p>Menyediakan pelbagai menu makanan popular dan terkini kepada pengunjung.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seramai 20 usahawan <i>food truck</i> akan menjual pelbagai jenis menu makanan popular dan terkini kepada pengunjung di Laman Tiba 1.</li> </ul>

- MAHA kali ini akan turut menjemput beberapa artis jemputan untuk membuat persembahan semasa Majlis Perasmian MAHA 2022 pada 6 Ogos 2022 seperti berikut:
  - 1) Black Hanifah dan Roslan Madun bagi persembahan pembukaan; dan
  - 2) Dayang Nurfaizah dan Hael Husaini bagi persembahan penutup.
- Slot persembahan artis seperti Ramli Sarip dan Ella akan diselitkan dalam program tertentu.

### **SAMBUTAN TERHADAP MAHA 2022**

- Kami amat gembira kerana sambutan pelbagai pihak terutamanya pemain industri terhadap MAHA 2022 amat menggalakkan. Rata-rata usahawan telah menghubungi kami untuk mendapatkan slot pameran dan jualan di tapak MAHA.
- Penyertaan para **usahawan/pemain industri**:
  - **Sekurang-kurangnya 1,500 ruang pameran dan jualan akan disediakan pada MAHA kali ini mengikut segmen, ini termasuklah pameran oleh kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan, pameran oleh syarikat swasta dan badan korporat tempatan serta seminar dan konvensyen agromakanan.**
  - Produk-produk yang akan diketengahkan nanti akan disegmenkan melalui ciri-ciri seperti ***Ready For Market (Domestic or International)***, nilai estetik, ***wellness***, produk kering, jualan segar dan basah, makanan dan minuman serta lain-lain lagi.
  - Pada kali ini, kami menerima permintaan *booth* diluar jangkaan dan proses saringan usahawan/pempamer telah dilaksanakan.

- Walau bagaimanapun, bagi usahawan yang masih berminat untuk menyertai MAHA, boleh menyertai aktiviti pameran dan jualan secara maya melalui platform digital eMAHA (emaha.com).
- Penyertaan **orang ramai**:
  - Sesuai dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) endemik, dijangka seramai 100,000 orang pengunjung akan ke MAHA secara purata setiap hari.
  - Kementerian yakin sasaran **100,000 pengunjung secara fizikal** boleh dicapai kerana MAHA mempunyai jenama, tradisi dan pengikutnya sendiri. Mereka yang sebelum ini hadir ke MAHA setiap kali diadakan sentiasa menantikan penganjuran MAHA yang pada kali ini menampilkan kelainan dengan penganjuran secara hibrid.

## **MENGENAI TEMA MAHA 2022**

- Pada tahun ini, Kementerian mengetengahkan tema “**Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan**” atau “*Food Security for the Future*”.
- Penetapan tema ini adalah bertepatan dengan tumpuan yang sedang diberikan dalam memperkukuhkan agenda sekuriti makanan negara. Pandemik dan juga kejadian bencana seperti banjir yang melanda negara telah menguji daya tahan sistem makanan negara dalam mengatasi kejutan ekonomi dan ketidaktentuan.
- Kesan limpahan terhadap keseluruhan rangkaian sistem makanan dan sekuriti makanan ini menyaksikan norma-norma baharu terpaksa dilaksanakan dan pendekatan baharu diperlukan bagi memastikan jaminan bekalan makanan mencukupi sepanjang masa dan untuk masa depan.



## KEPENTINGAN MAKANAN DAN SEKURITI MAKANAN (FOOD SECURITY)

### KEPADA NEGARA

- Sejarah telah mencatatkan, sama ada di waktu krisis mahupun aman, banyak negara yang mampu dilumpuhkan dan tergadai kedaulatannya, hanya **kerana ketidakcukupan makanan atau kebergantungan kepada bekalan luar**. Dalam waktu krisis atau konflik (*crisis period*) pula, sekali lagi sejarah mengajar Kementerian akan kepentingan **makanan sebagai senjata untuk melumpuhkan lawan**.
- Menyedari kepentingan *Food Security*, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (JKKDSMN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah ditubuhkan pada 25 Mac 2020 untuk merangka dasar sekuriti makanan yang holistik dan mampan dalam menjamin kestabilan bekalan makanan negara.
- Jawatankuasa ini bertanggungjawab meneliti isu-isu berkaitan sekuriti makanan secara menyeluruh meliputi aspek rantai bekalan, tenaga kerja, aplikasi teknologi, sumber kewangan, pelaburan, guna tanah dan infrastruktur.
- Jawatankuasa ini akan dibantu oleh Jawatankuasa Eksekutif yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan sebagai *coordinating committee* dalam menyelaraskan cadangan bagi mengukuhkan sekuriti makanan negara serta mengawal selia pelaksanaan keputusan dan arahan Jawatankuasa Kabinet.
- Kerangka Sekuriti Makanan Negara (KSMN) telah dirangka berdasarkan saranan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFAO) dengan berpaksikan empat (4) dimensi sekuriti makanan iaitu Ketersediaan, Akses, Penggunaan serta Kestabilan dan Kemampanan.
- Sebagai langkah strategik untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi-strategi yang digariskan di bawah kerangka ini, empat

(4) kluster atau kumpulan kerja teknikal telah ditubuhkan merentasi agensi kementerian, iaitu:

- 1) Kluster Ketersediaan di bawah Sekretariat Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan;
- 2) Kluster Kebolehcapaian di bawah Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna;
- 3) Kluster Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (MKMPK), Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- 4) Kluster Kestabilan dan Kemampunan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Majlis Keselamatan Negara.

### **MENGENAI KONSEP SECARA HIBRID**

- MAHA 2022 menetengahkan konsep **secara Hibrid (fizikal dan maya)**.
- Apabila diumumkan penganjuran MAHA secara hibrid, Kementerian percaya ramai yang ingin tahu, apa itu MAHA hibrid. Kepada yang pernah mengunjungi MAHA sebelum ini, ianya merupakan konsep MAHA yang dilaksanakan secara fizikal. Tetapi untuk MAHA 2022, Kementerian menambah elemen pelaksanaan atas talian iaitu pameran secara maya (*virtual*). Kombinasi fizikal dan maya (*virtual*) inilah yang menjadikan konsep penganjuran MAHA 2022, secara hibrid.
- Pameran secara maya (*virtual*) MAHA 2022 adalah sebuah platform yang direka khusus bagi memenuhi keperluan perniagaan dalam industri pertanian dan makanan secara atas talian. Sama seperti apa yang ditawarkan oleh pameran fizikal, platform MAHA 2022 versi maya (*virtual*) ini juga mampu untuk mengendalikan transaksi perniagaan sama ada bagi pasaran domestik mahupun luar negara. Pelbagai aktiviti atas talian seperti sesi perbincangan, padanan perniagaan, webinar, konferens video serta promosi produk pameran boleh dipaparkan secara langsung seakan-akan pengalaman mengunjungi acara pameran fizikal.

- Kementerian menyedari bahawa pembudayaan norma baharu dalam komuniti bagi mencegah penularan COVID-19 telah menjadi *push factor* kepada penggunaan teknologi dalam banyak perkara termasuklah dalam bidang pertanian serta penganjuran MAHA ini sendiri. Konsep baharu penganjuran MAHA kali ini sudah semestinya menjadi *game changer* dalam penganjuran program *Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE).
- Melalui kecanggihan teknologi, lebih banyak produk pertanian dapat dihasilkan dengan lebih efektif dan secara tidak langsung ia dapat menerajui kedaulatan makanan negara sekaligus menjadikan negara mengamalkan pertanian moden sepenuhnya menjelang 2030.
- Antara yang menarik bakal dipamerkan di MAHA 2022 adalah bagi menggalakkan industri pertanian Malaysia beralih kepada ***Internet-based Agriculture***, menerusi penggunaan **Teknologi Digital dan IR 4.0**.
- MAHA 2022 turut mengetengahkan kepentingan pemodenan, teknologi dan inovasi pertanian dalam industri agromakanan negara. Ini termasuklah:
  - 1) mekanisme aktiviti pepadanan perniagaan;
  - 2) penganjuran konvensyen dan seminar (secara webinar); dan
  - 3) akses kepada pameran *booth* secara maya (*virtual*).
- Selain itu, konsep ini juga bertujuan untuk mewujudkan keyakinan masyarakat terhadap penyelidikan dan teknologi terkini dalam membangunkan dan meningkatkan industri pertanian negara. Kali ini, MAHA mensasarkan agar pemain industri dapat mengaplikasi segala teknologi pertanian yang diketengahkan untuk kegunaan pengeluaran hasil pertanian, juga tidak lupa untuk kemudahan dalam kehidupan seharian.
- Bagi menyokong konsep ini, elemen teknologi dan kecanggihan inovasi pertanian kekal ditonjolkan di MAHA 2022.

- MAHA 2022 edisi hibrid dijangka akan menyediakan pelbagai ruang untuk perdagangan, pelaburan, kerjasama dan pemindahan teknologi di samping menjadi platform perkongsian idea untuk membangunkan import dan eksport pasaran sekaligus menjalin pakatan antarabangsa serta membina strategi untuk meningkatkan pasaran serta daya saing.

### **HARAPAN BAGI PENGANJURAN MAHA 2022**

- Diharapkan MAHA 2022 dapat menjadi medium terbaik Kementerian untuk menyebarkan luas potensi sektor pertanian dan projek berasaskan teknologi tinggi dalam sektor pertanian. Melalui penganjuran MAHA 2022, rakyat terutamanya generasi muda akan sedar bahawa sektor pertanian yang berteknologi tinggi mampu memberikan pendapatan yang menguntungkan dan lumayan.
- Apapun cabaran yang dihadapi oleh dunia secara global pada masa kini kesan dari penularan COVID-19, Kementerian akan memastikan MAHA 2022 dapat dilaksanakan dengan lancar dan dapat menarik lebih banyak penyertaan daripada sektor awam, swasta dan antarabangsa untuk mempamerkan produk, teknologi dan inovasi dalam sektor pertanian.
- MAHA 2022 bakal memberi peluang dan ruang kepada masyarakat peladang, penternak dan nelayan melalui ekspozisi yang berlangsung sama ada melalui pemerhatian dan pembelajaran dalam teknologi baharu pertanian, mencari ruang pasaran, mempamer serta mempromosi produk masing-masing.
- Penganjuran sambutan seperti ini diharap dapat menarik minat pemain industri untuk terus memajukan sektor pertanian negara selari tema **Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan** selain turut menarik golongan muda menceburi bidang pertanian dan memberi semangat kepada golongan peladang, penternak dan nelayan kerana usaha ini boleh menjana pendapatan yang tinggi bagi mereka yang berkecimpung dalam bidang pertanian.

- **Jangkaan** dari MAHA 2022 adalah:
  - **1.1 juta orang** pengunjung secara fizikal sepanjang 11 hari acara berlangsung;
  - **1,500 booth pameran dan gerai jualan** bakal dipenuhi dengan penglibatan usahawan daripada jabatan/agensi, sektor korporat, pemain industri dan usahawan tempatan;
  - **RM250 juta** potensi nilai jualan termasuk padanan perniagaan **bakal dijana**;
  - **Pameran produk** berkaitan pertanian dan khidmat nasihat daripada pihak berkuasa dan agensi sampai kepada kumpulan sasar;
  - **Lebih daripada 30 padanan perniagaan (*Business Matching*) dan MoU** dimeterai;
  - **Urus niaga tanpa tunai** atau *cashless*;
  - **Lebih daripada 250 pocket talk / sharing session / seminar / konvensyen**; dan
  - **Lebih daripada 300 demonstrasi masakan dan minuman**.
  
- **Jangan lupa layari <https://mahaexpo.my> dan nikmati kemeriahan pameran pertanian terbesar di Malaysia kali ini secara hibrid.**

## **MAKLUMAT TAMBAHAN : PERKHIDMATAN DI TAPAK**

### **1. Caj tempat letak kenderaan**

- Tempat letak kereta disediakan di Parkir Pintu 1 sebanyak 5,000 lot parkir dan Parkir Pintu 2 sebanyak 3,500 lot parkir.
  
- Bagi pengunjung awam bayaran caj masuk (kereta sahaja) adalah sebanyak RM 5.00 bagi setiap kemasukkan. Tiada caj yang dikenakan bagi motosikal dan bas di parkir yang telah dikhaskan.

## **2. Kemudahan Pengangkutan Awam**

- *Shuttle* bas percuma disediakan dari MAEPS Serdang (dengan kadar kekerapan setiap 1 jam) ke lokasi seperti berikut :
  - 1) MRT Kajang
  - 2) LRT Sg Besi
  - 3) KTM Serdang
  - 4) Putrajaya Sentral
- *e-Hailing* Mycar dengan diskaun promo kod 'MAHA2022' sebanyak RM2 bagi perjalanan ke MAHA 2022 (khas kepada pengunjung ke MAHA 2022 bagi 50 ribu promo kod).
- Pengunjung digalakkan menggunakan kemudahan awam bagi mengelakkan kesesakan trafik ke MAHA 2022.

## **3. Perkhidmatan Dalam Tram**

- Sebanyak 30 unit tram, 4 unit traktor dan gerabak, 10 unit bas yang disediakan bagi membawa pengunjung melawati lokasi menarik di setiap laman – laman ke lokasi tarikan sekitar MAHA 2022.
- Setiap tram ini mempunyai laluan yang khusus di setiap hentian tram mengikut zon (zon A, B, C, D & E) untuk memudahkan pengunjung sampai ke destinasi.
- *MyBikeRider* iaitu servis kemudahan motosikal bersama penunggang ke destinasi di dalam MAHA disediakan oleh pihak *Mycar* dengan kadar sewaan yang rendah untuk memberi pilihan kepada pengunjung.

#### **4. Servis Sewaan Buggy**

Servis sewaan buggy disediakan di Laman Tiba 1 (Pusat Info & Tiket) dengan kadar sewaan RM 99.00/ jam beserta dengan khidmat pemandu.

#### **5. Kemudahan Servis Penghantaran Barang (*Delivery*)**

- Pihak FAMA menyediakan perkhidmatan servis penghantaran barang terus ke tempat letak kenderaan pengunjung. Bagi pembelian secara talian adalah melalui *AgroBaazar Online*, servis penghantaran adalah terus ke rumah menggunakan courier terpilih / dilantik.
- Pihak *MyCar* telah menawarkan perkhidmatan *MyBike Delivery* (penghantaran barangan ke kenderaan pengunjung beserta caj akan dikenakan) dan perkhidmatan ini boleh didapati di Laman Tiba 1 dan Laman Tiba 2.
- Pihak Pgeon Express juga menawarkan servis penghantaran yang telah dibeli secara tempahan di MAHA 2022 terus ke rumah menggunakan courier Pgeon Express dengan harga promosi kepada setiap pempamer dan pengunjung MAHA 2022.

#### **6. Kemudahan *Child Care***

- Perkhidmatan servis kemudahan '*child care*' disediakan di Laman Tiba 1, Laman Tiba 2 serta di dewan-dewan pameran bagi memudahkan urusan ibu bapa dan penjaga untuk mendapatkan perkhidmatan ini.
- Ibu bapa perlu memastikan keselamatan anak-anak sepanjang masa.

#### **7. Perkhidmatan Servis '*Sick Bay*'**

- Perkhidmatan *Sick Bay* dan Petugas Kesihatan beserta Ambulans disediakan di Laman Tiba 1, Laman Tiba 2 dan Dewan Pameran Utama

sebagai langkah persediaan untuk sebarang kecemasan dan perkara yang berkaitan dengan kesihatan dan kecederaan dapat diberikan dengan cepat dan pantas.

#### **8. Perkhidmatan Servis OKU**

- Perkhidmatan ini disediakan di Parkir laluan masuk di Pintu 1 dan Pintu 2 dengan menaiki kenderaan khas (van) untuk membawa mereka terus ke Dewan Pameran Utama.

#### **9. Kemudahan Tandas dan Surau**

- Kemudahan tandas di setiap dewan pameran utama dan laman-laman serta surau sedia ada mungkin tidak dapat menampung keperluan pengunjung yang disasarkan setiap hari. Justeru itu, tambahan tandas dan surau juga disediakan di lokasi yang strategik bagi menampung keperluan pengunjung di lokasi seperti berikut:
  - 1) Laman tiba 1
  - 2) RNR Pavilion Negeri
  - 3) Laman Tiba 2
  - 4) Dewan Pameran Utama
  - 5) RNR Dewan C

#### **10. Kemudahan Tempat Makan**

- Kemudahan tempat makan (*Food Eatery*) yang selesa telah disediakan seperti *Food Empire* di Dewan DG, servis '*Food Truck*' oleh pihak FAMA di Laman Tiba 1 dan beberapa lokasi lain sekitar MAHA 2022 seperti di Laman Tiba 2 serta di Pavilion Rumah Negeri.

11. **Directional signage** atau petunjuk arah disediakan di sekitar jalan-jalan utama sebagai informasi buat pengunjung.

12. **Visitor showguide** juga disediakan di setiap kaunter informasi bagi pengunjung mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti dan program yang berlangsung sepanjang MAHA 2022.



13. **Kemudahan solat jumaat** disediakan di Dewan D2 untuk memudahkan pengunjung dan pempamer.

14. **Merchandise MAHA 2022**

Pengunjung boleh dapatkan barangan *merchandise* MAHA 2022 sebagai kenang-kenangan di *booth* terpilih di sekitar Laman Tiba 1, Laman Tiba 2 dan Dewan Pameran Utama.

15. **Perkhidmatan Pengecasan Telefon Pintar**

Servis MyCharge yang menawarkan pengecasan mudah alih dengan kadar sewaan RM1/jam akan disediakan di setiap kaunter informasi dan sekitar dewan.

**DISEDIAKAN OLEH:**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**